

→ BANJIR



[FOTO MOHD NAZLIE ZAINUL/BH]

Beberapa kampung di sekitar Membakut, Sabah dilanda banjir.



Muhammad Al Asyraf Danial Mohd Al Asadi



[FOTO ROSLI ILHAM/BH]

Penduduk Kampung Bukit Mentok di Kemaman berpindah selepas paras banjir semakin meningkat.



[FOTO NAZIRUL ROSELAN/BH]

Pelajar Madrasah Al-Imaniah Kampung Jerantut Feri menyelamatkan pakaian dan dokumen berikutan limpahan air sungai Pahang semakin meningkat.

Banjir di Pahang ragut mangsa kedua

→ Hampir 12,000 mangsa bah di empat negeri dipindahkan

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof; Mohamad Azim Fitri Abd Aziz; Aslina Abu Bakar dan Shahrinnahar Latib
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Banjir di Pahang semakin buruk dengan bilangan mangsa dipindahkan hampir 10,000 orang dan seorang pelajar berusia 17 tahun menjadi korban kedua di negeri itu.

Bilangan mangsa yang dipindahkan di Terengganu turut mening-

kat kepada lebih 1,000 orang, manakala keadaan di Johor tidak menunjukkan banyak perubahan dengan 254 mangsa masih berada di pusat pemindahan sementara (PPS). Seramai 566 mangsa pula masih berada di PPS di Sabah.

Secara keseluruhannya, hampir 12,000 mangsa dipindahkan di Pahang, Terengganu, Johor dan Sabah.

Sejumlah 46 sekolah diarah ditutup di enam negeri dengan Pahang mencatatkan bilangan terbanyak iaitu 21 diikuti Sabah (14), Terengganu (lima), Sarawak (tiga), Johor (dua) dan Kelantan (satu).

Di **Kuantan**, pelajar Tingkatan Lima, menjadi mangsa kedua banjir di Pahang selepas mayatnya ditemui di hadapan rumah neneknya di Kampung Tiram, di sini, pada jam 1 pagi semalam.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Rosli Ab Rahman, berkata Muhammad Al Asyraf Danial Mohd Al Asadi, pelajar sekolah agama di Kemaman, lemas pada jam 12 tengah malam kelmarin, sebelum

mayatnya ditemui sejam kemudian.

Siasatan awal mendapati remaja itu dikatakan pergi ke rumah kawannya di Kampung Tiram, di sini, sebelum meredah air paras lutut untuk ke rumah neneknya.

Difahamkan, mangsa yang berjalan seorang diri dikatakan terjatuh dan tidak sedarkan diri di depan rumah neneknya.

"Mayatnya ditemui sejam kemudian oleh penduduk kampung sebelum melaporkan kes itu kepada pihak berkuasa. Mangsa dikejarkan ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) sebelum disahkan meninggal dunia," katanya.

Kelmarin, murid lelaki berusia tujuh tahun, Mohd Faris Aqeel Mohd Afif, 7, menjadi korban pertama banjir di Pahang selepas dia ditemui lemas dalam longkang berhampiran rumahnya di Kampung Padang Jaya di sini.

Sehingga jam 8 malam tadi, bilangan mangsa banjir di enam daerah di Pahang berjumlah 9,806 orang yang ditempatkan di 55 PPS,

dengan daerah ini mencatatkan mangsa paling ramai iaitu 7,162 orang. Sebanyak 42 sekolah di Pahang ditutup.

Di **Kuala Terengganu**, jumlah mangsa banjir di Terengganu meningkat kepada 1,313 orang petang semalam.

Mengikut laporan Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Terengganu, jumlah mangsa banjir paling ramai di Kemaman iaitu 1,107 orang, manakala Dungun mencatatkan bilangan mangsa seramai 206 orang.

Hujan berterusan

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam (APM), Left Kol (PA) Che Adam A Rahman, berkata peningkatan jumlah mangsa di dua daerah itu berpunca daripada hujan berterusan, selain pertembungan dengan kejadian air pasang.

Di **Johor Bahru**, mangsa banjir berkurangan kepada 254 memabitkan 74 keluarga dengan tiga PPS ditutup.

Di **Kota Kinabalu**, jumlah

mangsa banjir di dua pusat pemindahan sementara (PPS) daerah kecil Membakut meningkat kepada 566 orang daripada 196 keluarga.

Menurut Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Sabah, seramai 439 mangsa daripada 151 keluarga ditempatkan di PPS SM St Patrick manakala selebihnya 127 orang daripada 45 keluarga kini berada di PPS Dewan Serbaguna Membakut.

Sebanyak 25 kampung di daerah itu masih terjejas banjir manakala lapan jalan raya tidak dapat dilalui akibat ditenggelami air.

Di **Klang**, BERNAMA melaporkan, Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P Kamalanathan, berkata penutupan 46 sekolah di enam negeri susulan bencana banjir bagi menjamin keselamatan pelajar dan kakitangan sekolah.

Katanya, keputusan itu dibuat hasil perbincangan di antara Kementerian Pendidikan dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi memastikan keselamatan murid, guru dan kakitangan sekolah.